



**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(b)

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan mempelawa pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja serta berkelayakan dan bersesuaian untuk memohon jawatan akademik berikut:

1. **JAWATAN** : Penolong Kanan Profesor
2. **BAHAGIAN** : I
3. **TANGGAGAJI** : PT3 (\$5900 - \$6110) sebulan
4. **KEKOSONGAN JAWATAN** : Satu (1)
5. **BIDANG** : Syariah/Usul Fiqh/Usuluddin

6. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN :-

- a. Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Agama Islam, Adat Isiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- c. Sebagai keperluan utama, mempunyai Ijazah Sarjana Muda (sekurang-kurangnya kelas dua atas) DAN Ijazah Sarjana (peringkat *distinction* sebagai kelebihan) DAN Ijazah Falsafah Kedokotran (Ph.D) atau yang sebanding dalam bidang yang bersesuaian dari universiti/pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini dipanggil Kerajaan) dan terkemuka sebagai kelebihan.

Bagi yang tidak mempunyai Ijazah Sarjana, keperluan adalah tertakluk kepada tahap Ijazah Sarjana Muda (Kelas Pertama sebagai kelebihan) dari universiti/fakulti universiti/pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan di mana calon menjalani kursus Ph.D dan kualiti pencapaian Ijazah Falsafah Kedokotran (Ph.D).

- d. Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dan telah ditetapkan dalam jawatan Penolong Profesor dalam tanggagaji PT2 selama tidak kurang dari tujuh (7) tahun atau Penolong Profesor dalam tanggagaji PT2A selama tidak kurang dari empat (4) tahun;

ATAU

Memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- Mempunyai pengalaman yang cukup lama sebagai tenaga akademik di pusat-pusat pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan dan memegang jawatan yang sebanding dengannya;
- Mempunyai rekod dan reputasi cemerlang dalam pengajaran dan penyelidikan;
- Telah memegang jawatan yang sebanding dengannya bagi tempoh yang bersesuaian;
- Dalam penyelidikan TELAH menghasilkan tulisan-tulisan akademik yang diterbitkan di dalam 'refereed journal' atau sumbangan bab atau 'chapter' di dalam buku-buku akademik atau menghasilkan kertas-kertas akademik bagi seminar/persidangan serantau/antarabangsa atau menerbitkan buku akademik;

- Pernah menyelia tesis Ijazah Sarjana.
- e. Mencapai kecemerlangan dalam pengajaran dan penyelidikan, progresif dalam penulisan akademik untuk penerbitan di dalam 'refereed journal' atau sumbangan bab atau '*chapter*' di dalam buku akademik, penerbitan buku, seminar dan persidangan akademik serantau dan antarabangsa dan menyelia tesis penuntut-penuntut sarjana.
- f. Menunjukkan reputasi yang terus meningkat dalam bidang pengkhususannya melalui sumbangan konsisten dalam jurnal, buku, seminar, persidangan, pengajaran, penyelidikan dan khidmat masyarakat.
- g. Di samping kecemerlangan akademik, juga menunjukkan kapasiti tinggi dalam pentadbiran di peringkat Jabatan atau Fakulti atau Pusat.
- h. mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi sekurang-kurangnya di tahap yang **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

7. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- a. Memberi kuliah dan *tutorial*.
- b. Menjalankan penyelidikan.
- c. Menyelia thesis Ijazah Sarjana.
- d. Menyumbang kertas-kertas akademik bagi seminar/persidangan.
- e. Menerbitkan hasil-hasil kerja akademik dan penyelidikan didalam bentuk buku dan didalam jurnal.
- f. Aktif didalam sumbangan kemasyarakatan berkaitan dengan bidang.
- g. Tugas dan tanggungjawab dibawah perkhidmatan Pusat Pengajian Tinggi.

8. TATACARA PERMOHONAN

Borang permohonan - borang KUPU SB/P1 bolehlah dimuat turun dengan melayari laman web: www.kupu-sb.edu.bn.

Kolej Universiti berhak menolak borang permohonan yang tidak diisi dengan lengkap dan yang tidak menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan.

Hanya pemohon-pemohon yang memenuhi syarat dan disenarai pendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi untuk menjalani sesi ujian/temuduga.

Bagi pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan Kerajaan adalah dihendaki untuk menghantar permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menghadapkan satu **LAPORAN SULIT**, salinan **PRESTASI TIGA (3) TAHUN KEBELAKANGAN**, dan satu salinan **REKOD PERKHIDMATAN** yang lengkap.

Jika tiada maklum balas diterima dalam tempoh enam (6) bulan atau lebih, permohonan dianggap tidak berjaya.

Borang permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat berikut:

BAHAGIAN PENTADBIRAN
PEJABAT PENDAFTAR
KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN
KM 2, JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA,
BANDAR SERI BEGAWAN, BA 2111,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh Buka Iklan:
19 MAC 2026

Tarikh Tutup Iklan:
8 APRIL 2026

Rujukan Iklan:
KUPU SB/PJW/6.01/26-1B

Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi di nombor 2236277.